

Dasar ekonomi Melayu baharu jamin kesaksamaan

➔ Usaha ke arah pemodenan, depani cabaran Revolusi Industri 4.0

Oleh Zanariah Abd Mutualib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan akan menggu-bal satu dasar ekonomi Melayu baharu yang berteraskan pertumbuhan,

menjamin kesaksamaan dan perkongsian kemakmuran, bagi mendepani cabaran ekonomi semasa.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata dasar itu mencerakinkan semangat keterangkuman dan nilai keadilan untuk dikongsi seluruh rakyat Malaysia.

Bela hak, kepentingan Melayu, Bumiputera

“Saya mendukung komitmen Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mene-gaskan bahawa Pakatan Harapan (PH) tuntas membela hak dan kepentingan masyarakat Melayu serta Bumiputera,” katanya dalam satu kenyataaan, semalam.

Mohamed Azmin berkata, dalam menerajui usaha ke arah

pemodenan ekonomi berasas-kan teknologi terkini dan ber-depan cabaran Revolusi Industri 4.0, kementeriannya akan memulakan siri perbincangan dan libat urus bersama peme-gang taruh utama dalam sektor ekonomi.

Ini termasuk dewan pernia-gaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan bukan kerajaan (NGO) serta pakar eko-nomi.

“Dengan berkat perpaduan rakyat yang rencam untuk menjayakan agenda ini, insya-Allah, ekonomi negara akan kembali gah dan mampu ber-saing dalam pasaran global,” ka-tanya.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata lawatan kerja beliau ke Kelantan minggu lalu membuka lembaran baharu dalam usa-

ha memperkuuh hubungan Kerajaan Persekutuan dan ne-geri terutama menyuburkan se-mangat federalisme bagi me-lonjakkan ekonomi rakyat, khu-susnya masyarakat desa.

Gembieg usaha

“Susulan usaha ini, Kemente-rian Hal Ehwal Ekonomi akan terus menggembieg usaha mengangkat martabat warga FELDA dan pekebun kecil yang sedang bergelut dengan masalah legasi pentadbiran yang la-lu.

“Untuk maksud itu, kerajaan memperhalusi inisiatif baharu yang lebih proaktif demi men-jamin kemampunan sektor per-ladangan dan pertanian, sekali-gus meningkatkan pendapatan serta kuasa beli masyarakat de-sa,” katanya.